

***Al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah*: Faktor Kemunculannya Dalam Masyarakat Melayu dan Ruang Dakwah yang Masih Terbuka**

Fadzli Adam¹, Firdaus Khairi Abdul Kadir² & Abd Hakim Mohad³

¹Universiti Malaysia Terengganu, ²Yayasan Islam Terengganu & ³Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Bid'ah al-I'tiqadiyyah juga dikenali sebagai *bid'ah* dari aspek akidah. Kewujudan kepercayaan dan amalan *al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah* dalam sesebuah masyarakat merupakan satu manifestasi pertentangan antara kemunduran dan kemajuan sesebuah tamadun. Sebagai contoh dalam masyarakat Melayu, apabila kepercayaan dan amalan seperti ini muncul menyebabkan kemajuan sebenar umat Islam sukar direalisasikan. *Bid'ah* dalam aspek ini memberi kesan terhadap akidah umat Islam, kesan tersebut ialah kemunculan murtad tanpa disedari. Kepercayaan dan amalan yang berkait dengan *al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah* ialah budaya khurafat yang muncul dari aspek perbomohan, telekan, tangkal azimat dan sebagainya. Kesemuanya ini merupakan kepercayaan dan amalan syirik yang dikategorikan sebagai *bid'ah* dalam aspek akidah. Kertas kerja ini meninjau tentang punca kemunculan amalan *bid'ah* dalam aspek akidah yang wujud dalam masyarakat Melayu; dan usaha dakwah intra agama yang boleh dilakukan dalam usaha memurnikan akidah umat Islam. Kajian yang dilakukan menerusi pendekatan kualitatif ini telah menemubual beberapa informan utama dalam bidang agama dan kemasyarakatan. Dalam pada itu, kajian ini turut disokong dengan analisa kandungan menerusi kajian perpustakaan dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati bahawa ruang dakwah ini begitu besar dan perlu diisi segera bagi memantapkan pembangunan duniawi dan ukhrawi umat Islam di rantau ini.

Kata Kunci : Islam, *bid'ah*, khurafat, akidah

PENGENALAN

Istilah *bid'ah* merupakan istilah yang tidak asing lagi dalam masyarakat Melayu. Konotasi istilah tersebut kebiasaanya berlegar dalam persoalan adat dan ibadat sahaja. Manakala, aspek akidah tidak menjadi persoalan utama dalam pentafsiran *bid'ah* dari sudut syarak. Istilah inilah yang disebut oleh kalangan ulama' sebagai *al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah*. *Al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah* ini merupakan gambaran sebenar kesesatan yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadith yang bermaksud "semua *bid'ah* adalah sesat". Penelitian terhadap persoalan kepercayaan dan amalan *al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah* ini perlu dikaji dengan lebih mendalam. Sebahagian ulama' tersohor seperti Al-Ghazali dan al-Qardawi telah merumuskan bahawa aspek *bid'ah* seperti ini dapat diklasifikasikan dalam amalan yang bercanggah dari sudut akidah seperti khurafat, syirik dan seumpamanya.

Dalam membincangkan isu al-bid'ah al-I'tiqadiyah, kajian ini memperolehi data menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan temubual berfokus kepada lima informan utama di Pantai Timur iaitu Terengganu, Kelantan dan Pahang serta daripada sumber kajian kepustakaan dan ilmiah berotoriti yang dihasilkan oleh penulis-penulis muktabar dalam dunia Islam. Pemilihan informan utama untuk prosedur temubual berfokus dilakukan berasaskan justifikasi penglibatan secara langsung dalam pengurusan hal ehwal agama di negeri masing-masing iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang serta berdasarkan kepakaran dalam bidang tersebut yang dimiliki oleh setiap informan utama yang dipilih.

Punca Berlaku Amalan al-Bid'ah al-I'tiqadiyah

Daripada kajian menerusi temubual dengan beberapa informan utama, terdapat beberapa dapatan yang agak sukar ditangani dalam masyarakat Melayu. Dapatan ini juga bertepatan dengan pemerhatian pengkaji tentang fenomena semasa yang berlaku sehingga kini. Berikut dinyatakan beberapa punca berlakunya amalan bid'ah yang dimaksudkan tersebut.

i- Kurang Pendidikan Agama

Menurut pengamatan pengkaji, kekurangan pendidikan agama merupakan punca utama berlakunya amalan khurafat. Pemikiran yang singkat akan mencorakkan perbuatan mereka, tanpa merujuk kepada kalangan yang lebih arif tentang persoalan agama. Ekoran daripada itu, munculnya amalan-amalan yang asing seperti pemujaan kepada tempat-tempat yang dianggap keramat, pemujaan kepada orang-orang yang dianggap wali dan memuja pantai. Dengan kekurangan ilmu agama juga menjadikan masyarakat Melayu terdedah kepada ancaman khurafat yang boleh menjerumuskan masyarakat kepada *al-Bid'ah al-I'tiqadiyah*.

Punca tersebut turut diperakui oleh kesemua informan utama yang ditemubual. Mereka bersetuju bahawa punca utama berlakunya amalan khurafat sehingga mendedahkan masyarakat kepada *al-Bid'ah al-I'tiqadiyah* adalah kekurangan pendidikan agama. Meskipun pendedahan tentang persoalan asas agama Islam telah diberi penekanan semenjak dari kecil lagi, namun penghayatan untuk memastikan ajaran Islam tersebut dilaksanakan kurang diberi perhatian.

Menurut Dato' Dr. Muhamed Fadzli Hasan (Exco Kerajaan Negeri Kelantan) masyarakat Melayu tidak mempunyai kefahaman yang tepat tentang ajaran Islam. Kenyataan penuh beliau berkaitan isu ini adalah sebagaimana berikut:

“Puncanya satu, mereka tidak mempunyai kefahaman yang cukup jelas tentang Islam, sekarang ini masyarakat Islam di mana-mana pun, sama ada yang ekstrim ke kiri dan ekstrim ke kanan, mereka bersemangat tetapi mereka tidak mempunyai kefahaman yang cukup, sehingga amalan-amalan mereka itu dirasakan cukup Islam tetapi sudah berada diluar batasan Islam”(Fadzli, EKNK).

Melalui jawapan tersebut, menggambarkan terdapat sebahagian masyarakat melihat amalan yang dilakukan adalah bertepatan dengan Islam, sebaliknya amalan tersebut telah terkeluar dari batasan Islam. Akibat daripada itu, menyebabkan

masyarakat Melayu mudah terpengaruh dengan amalan khurafat.

Manakala Ustaz Hj Muhammad Ramli bin Nuh (Timbalan Exco Kerajaan Negeri Terengganu pada masa data dikumpulkan pada tahun 2011) pula menyatakan terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu yang tidak memperolehi ilmu yang benar sebagaimana katanya:

“Ilmu yang diperolehi itu bukan ilmu yang sohih (betul). Walaupun dia belajar tetapi dia memperolehi ilmu itu dari sumber yang tidak muktabar. Sebenarnya, ada juga yang belajar setakat separuh jalan (sahaja). Ini yang menyebabkan timbul khurafat dalam masyarakat kita” (Ramli, PB).

Kenyataan tersebut menunjukkan terdapat faktor lain yang menyebabkan ilmu agama tidak dapat dikembangkan dalam masyarakat Melayu. Faktor tersebut ialah kekurangan ilmu agama dari kalangan pendakwah sendiri. Lantaran itu, apabila ancaman khurafat muncul melalui pelbagai medium, agak sukar untuk dibendung oleh para agamawan. Sewajarnya, para agamawan perlu melengkapkan diri mereka dengan pelbagai disiplin ilmu, sama ada yang bersifat *turath* (warisan Islam) ataupun bersifat moden. Dengan ini barulah kalangan pendakwah dapat bertindak sebagai penyelesaian kegawatan ummah.

Kenyataan dan pandangan yang dikeluarkan oleh informan-informan utama tersebut bertepatan dengan beberapa analisa kandungan. Antaranya ialah berkenaan dengan fenomena bertepung tawar sewaktu berlangsungnya majlis persandingan. Dari satu segi, fenomena tersebut memberi gambaran tentang tahap pengetahuan masyarakat Melayu yang sekadar meneruskan tradisi adat turun temurun tanpa sandaran syarak. Sebenarnya amalan tersebut tidak mempunyai asas dalam agama Islam. Bahkan mengundang *bid'ah* sekiranya pelakunya beranggapan amalan ini merupakan tuntutan Islam (Mohd Syukri, 2008).

Contoh-contoh yang dinyatakan tersebut boleh dikaitkan dengan masalah kekurangan ilmu agama. Masyarakat akan meneruskan kehidupan dalam keadaan terumbang-ambing tanpa arah syariat yang jelas.

ii- Salah Faham Tentang Agama

Punca kedua yang dikesan oleh pengkaji ialah salah faham tentang agama. Citra kebenaran yang sebenar telah diliputi oleh kejahilan ekoran daripada kesalahan dalam membuat rujukan. Sesetengah masyarakat pula terlalu terkasima dengan penampilan luaran ahli agama yang mereka ikuti, tanpa menyelidiki lebih lanjut tentang ilmu yang disampaikan.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, salah faham tentang agama telah menyebabkan sebahagian masyarakat Melayu mudah terpengaruh dengan cara penampilan yang hebat. Justeru itu, terdapat kalangan mereka yang mengunjungi pemimpin ajaran sesat disebabkan penampilan yang tampak hebat serta berpengetahuan tentang perkara-perkara aneh. Seorang pengkaji ajaran sesat di daerah Marang, Terengganu menyatakan bahawa, para pengikut ajaran sesat menuruti pemimpinnya dalam keadaan yang keliru. Ini adalah kerana, meskipun pemimpin

ajaran sesat itu tidak bersembahyang, namun masih ditaati oleh pengikutnya¹.

Punca salah faham tentang agama ini juga turut diperakui oleh beberapa informan utama yang ditemui. Di antaranya ialah Dato' Dr. Fadzli Hasan yang berpendapat sebahagian umat Islam telah terperangkap dengan kejahilan ilmu agama. Dengan yang demikian menyebabkan ajaran negatif telah berjaya diterapkan kepada generasi baru tanpa disedari. Kenyataan penuh beliau seperti berikut:

“Anak kita yang masih tidak wajib pergi ke masjid untuk mendengar khutbah, belum lagi baligh, yang belum dididik dengan asas agama yang sebenar, tetapi telah dididik dengan kepercayaan tahyul dan karut marut, mereka tengok TV, anak empat tahun sudah tahu hantu, bukan sahaja hantu Melayu tetapi hantu orang putih, itu masalahnya.” (Fadzli, EKNK)

Penyataan tersebut menunjukkan bahawa pendedahan kepada unsur negatif ke atas anak-anak menjadikan mereka berada dalam kekeliruan dan salah faham tentang agama sehingga mereka dewasa. Dengan pemupukan budaya khurafat menerusi pelbagai medium seperti televisyen telah memberi implikasi yang negatif apabila dewasa nanti. Mereka berada dalam kejahilan tanpa mereka sedar. Dato' Mohamad Shukri Mohamad (Mufti Kerajaan Negeri Kelantan) menyatakan bahawa:

“Dia banyak faktor (berlakunya khurafat), salah satunya adalah kejahilan, dia tidak memahami hakikat ajaran yang sebenar“ (Shukri, MKNK)

Kenyataan berkenaan menggambarkan bahawa sebahagian umat Islam kini terdedah kepada masalah tidak memahami ajaran Islam yang sebenar. Pengisian agama dalam diri mereka sangat berkurangan. Akibatnya Islam itu semakin jauh dari mereka.

iii- Pengaruh Kepercayaan Perbomohan

Punca yang ketiga berhubung amalan khurafat ialah pengaruh kepercayaan perbomohan. Dalam masyarakat Melayu, bomoh mempunyai pengaruh dan kedudukan yang penting dalam menyelesaikan krisis masyarakat. Mereka menawarkan perkhidmatan untuk merawat pelbagai penyakit samada yang dapat dilihat secara fizikal atau yang terkait dengan sihir atau ilmu hitam, kepada masyarakat. Namun demikian, ada antaranya yang dianggap sebagai salah dan menyeleweng dari segi agama. Menurut Ustazah Noorlailawati (Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Agama Kelantan) beliau pernah menerima laporan tentang perkhidmatan bomoh yang dikatakan terlibat dengan unsur khurafat. Menurut beliau:

“Kalau di Kelantan, pemujaan-pemujaan seperti ini setakat ini kita tidak terima apa-apa maklumat, cuma maklumat-maklumat yang kita terima melalui bahagian penyelidikan ialah mengenai macam bomoh lah, kepercayaan kepada bomoh-bomoh saya rasa salah

¹ Informan ini telah diwawancara oleh pengkaji pada 12 November 2011.

satu daripada unsur khurafat jugak (juga), sebab kita tengok masyarakat dulu-dulu dia lebih terikat dengan perkara ini, percaya sebab kalau kita dengar cerita nenek moyang kita ada unsur pemujaan ada letak pulut kuning, letak telur pada pokok, tetapi sekarang ini saya percaya perkara ini sudah tidak ada, cuma tinggal bomoh lah” (Noorlailawati, KPPJAHEAIK)

Beliau menjelaskan bahawa fenomena pemujaan kepada makhluk halus tidak lagi dilaporkan ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. Namun begitu kepercayaan kepada bomoh masih wujud. Beliau yakin kepercayaan kepada bomoh inilah yang menjadi pencetus kepada amalan khurafat.

Hujah pengaruh bomoh dalam masyarakat Melayu ini turut diperakui oleh Mufti Kerajaan Kelantan. Beliau mengatakan terdapat bomoh yang melanggar syariat Islam. Menurut beliau:

“kita pergi berjumpa bomoh yang mencampur adukan benda yang suci dan kotor, melalui perbomohon misalnya kena bersetubuh dengan dia, ini sudah melanggar syariat. Walaupun ada yang tidak bersetubuh, tetapi dia telah lebih daripada sepatutnya, buka aurat dan telah melanggar akhlak” (Shukri, MKNK).

Inilah antara contoh kesempatan yang telah diambil oleh kalangan bomoh yang mampu merosakkan imej Islam. Terdapat juga bomoh menggunakan ayat al-Quran untuk meyakinkan kaedah perubatan yang dilakukannya. Dengan yang demikian, kepercayaan masyarakat terhadap bomoh menjadi semakin mendalam.

Kenyataan tentang punca pengaruh bomoh ini juga bertepatan dengan fenomena perbomohan dalam masyarakat Arab *Jahiliyyah*. Fenomena tersebut telah ditentang oleh Islam sebagaimana hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Muawiyah bin al-Hikām:

قلت يا رسول الله: أمور كنا نصنعها في الجاهلية و كنا نأتى الكهان. قال:
لا تأتوا الكهان

“Aku telah bertanya kepada Rasulullah (SAW) tentang amalan yang telah kami lakukan sewaktu Jāhiliyyah iaitu kami selalu mendatangi al-Kuhhān. Lantas Rasulullah bersabda: “Jangan kamu sekali-kali mendatangi al-Kuhhān (bomoh telek)”

Di antara ciri-ciri tarikan yang ada pada bomoh adalah kepintaran menelek. Faktor inilah yang menyebabkan sebilangan masyarakat Melayu teruja untuk mendapat khidmat nasihat daripada bomoh. Sebelum kedatangan Islam lagi, bomoh telek ini dikenali sebagai *Kāhin*, yang bermaksud seseorang yang tahu tentang perkara ghaib. (al-Qaradawi Y. , *Mauqif al-Islam min Ilham wa al-Kashaf, wa al-Ruqya, wa al-Tamaim, wa al-kuhanah wa ruqa*, 1994).

Apa yang membimbangkan terdapat kalangan bomoh yang menggunakan jin dalam proses perbomohan. Di antara unsur penyelewengan dalam perbomohan ialah:

- i- Penggunaan jin seperti perkhidmatan khadam sebagai pembantu perbomohan sewaktu menentang jin yang lain.
- ii- Pemujaan makhluk halus seperti upacara ulit mayang dan kuda kepang.
- iii- Pengkhabaran ghaib, tilikan dan nujum seperti mengetahui tentang perkara ghaib melalui makhluk halus.
- iv- Penggunaan bahan kotor, najis atau haram seperti penggunaan minyak dagu, susu khinzir dan tengkorak.
- v- Kepercayaan yang menyalahi akidah seperti keyakinan kepada kuburan, tongkat dan cincin mempunyai kesaktian
- vi- Perbuatan yang menyalahi syarak seperti membaca al-Quran secara terbalik (Fadzli Adam, Firdaus Khairi, Wan Ibrahim, 2010).

Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan kepada setiap entiti sosial yang berpendidikan agar membasmi budaya perbomohan ini semampu mungkin. Tujuannya adalah untuk memastikan ancaman *Bid'ah al-I'tiqadiyyah* dapat diatasi dalam masyarakat Melayu.

iv- Kepercayaan Kepada Perkara Ajaib Dan Sakti

Punca berlaku amalan berunsur khurafat yang membawa kepada *al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah* yang keempat adalah pengaruh kepercayaan mistik dan ajaib. Punca ini juga adalah bertepatan dengan pemerhatian pengkaji. Sebagai contohnya, pengkaji pernah menemubual dengan seorang pencari cicak tokek pada tahun 2010. Apa waktu itu cicak tersebut begitu popular sehingga berjaya menarik penggemarnya dengan tawaran harga yang agak lumayan. Apabila pengkaji mengajukan soalan tentang keistimewaan cicak tersebut, pelbagai hujah yang telah diberikan termasuklah dengan keanehan yang luar biasa dan mampu mengubat pelbagai penyakit misteri.

Dalam menjelaskan tentang isu mistik dan kesaktian ini, Ustaz Badli Shah Alaudin (Penolong Pengarah Kanan Penyelidikan Jabatan Agama Islam Pahang) menyatakan, antara puncanya ialah kecenderungan masyarakat berinteraksi dengan alam ghaib seperti berinteraksi dengan hutan belantara, laut dan sebagainya. Sewaktu ditemubual, beliau menyatakan:

“Masyarakat melayu sendiri yang percaya kepada perkara-perkara mistik dan gemar berinteraksi dengan alam, iaitu percaya di hutan belantara dan laut mempunyai maksud-maksud yang tersendiri yang memberi maksud masyarakat percaya kepada alam ghaib maka dua punca ini mengakibatkan perkara khurafat ini berlaku walaupun ia merupakan pengamal Islam yang baik” (Badli, PPKJAIP)

Daripada kenyataan tersebut, menggambarkan terdapat juga kalangan pengamal Islam yang gemar berinteraksi dengan alam ghaib. Hal ini lebih menyukarkan, sekiranya terdapat kalangan pendakwah sendiri yang berpegang kepada kepercayaan ghaib dan mistik. Tindakan seperti ini secara tidak langsung telah membenarkan amalan khurafat berlangsung dalam sesebuah masyarakat.

Kepercayaan kepada perkara ajaib dan sakti ini juga disokong dengan kupasan menerusi artikel jurnal yang mengkaji tentang ajaran Crypto. Kajian tersebut

menjelaskan masyarakat Melayu mudah terpengaruh dengan seseorang yang mampu menampilkan kelebihan kesaktian. Sebagai contohnya, dalam ajaran Crypto guru berkenaan sering menonjolkan kesaktian kepada pengikutnya seperti kemampuan melompat sehingga 10 kaki tinggi sewaktu pertunjukan silat pulut serta pengakuan guru yang dapat mengetahui perkara yang akan berlaku. Kaedah yang dinyatakan di atas sering digunakan untuk mempengaruhi pengikut baru yang kurang keilmuan tentang Islam. Kaedah yang diguna pakai ini dikesan sebagai punca merebaknya ajaran sesat dalam masyarakat Melayu (Muhammad Jusoh, Abdullah Mat, 1983).

Ruang Dakwah Yang Masih Terbuka

Kurangnya didikan agama, salah faham tentang agama, kepercayaan kepada perbomohan dan kepercayaan kepada perkara ajaib dan sakti, adalah punca kepada amalan khurafat dalam kalangan umat Islam. Walaupun kajian yang dilakukan tertumpu di Kelantan dan Terengganu, namun secara umumnya hal yang digambarkan turut berlaku dalam masyarakat kita secara keseluruhannya.

Amalan khurafat yang masih berlaku, menunjukkan kepada kita bahawa gap dakwah tersebut perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Ini kerana, amalan khurafat mampu merosakkan kemurnian agama. Apatah lagi jika ianya melibatkan khurafat yang termasuk dalam perkara *Al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah*.

Jika dilihat dari segi punca amalan khurafat yang dibincangkan, dapatlah kita simpulkan bahawa ianya berkait rapat dengan pemikiran dan kepercayaan. Justeru bagi mengisi gap dakwah tersebut, cara yang terbaik ialah dengan memberikan penumpuan kepada aspek pemikiran dan kepercayaan juga. Ini kerana, kita perlu menyelesaikan permasalahan dengan memberi tumpuan kepada sumber permasalahan tersebut. Antara contoh amalan yang boleh dikategorikan sebagai bid'ah sebagaimana yang dinyatakan dalam perbincangan di awal tulisan ini ialah bertepung tawar dan berbomoh. Kedua-dua amalan ini adalah sebahagian daripada adat kebiasaan masyarakat Melayu yang sudah sebatik sekuat tali sejak sekian lama. Oleh sebab itu, ia tidak mudah dapat dihilangkan begitu sahaja. Ini kerana proses mengubah budaya masyarakat atau adat memakan masa yang lama.

Sebagai seorang pendakwah, seseorang itu mestilah mencari jalan yang penuh hikmah, “umpama menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak”. Sekiranya tindakan yang drastik diambil, tentunya ia akan mengundang masalah lain pula, dalam masa yang sama isu dan permasalahan asal tidak dapat dibetulkan.

Menurut pandangan Prof Madya Dr Suwaid Tapah, salah seorang ahli Majlis Fatwa Sabah, menyatakan bahawa adat dan kebiasaan atau *uruf* tidak wajar untuk ditanggapi secara negatif walaupun mungkin ia tidak bersandarkan pada nas tertentu. Ia adalah budaya masyarakat yang diamalkan secara turun-temurun dan mempunyai fungsi tertentu. Selama mana ianya tidak secara jelas bertentangan dengan prinsip Islam, sepatutnya ia tidak menjadi masalah.

Pandangan ini dilihat lebih terbuka dan meraikan kepelbagaian adat dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat manusia. Sekiranya kita menyelidiki amalan dan budaya masyarakat Islam seluruh dunia, pastinya kita akan bertemu dengan pelbagai amalan yang berbeza-beza. Sebenarnya inilah realiti masyarakat manusia yang mempunyai kebudayaan dan cara hidup tersendiri. Sebelum budaya dan amalan ini diberi tanggapan yang negatif,

sebaiknya ia difahami dahulu tentang tujuan, maksud, fungsi, dan falsafah yang terkandung di dalamnya. Menerusi diskusi, dialog dan perbincangan, pendakwah akan dapat memahami dengan lebih jelas dan mendalam tentang adat dan budaya yang diamalkan. Perbincangan seperti ini akan memberi ruang kepada pendakwah dan pengamal adat untuk saling memahami antara satu sama lain. Justeru, ia memberi ruang kepada pendakwah untuk memahami amalan adat, dan dalam masa yang sama memberikan pandangannya tentang adat yang diamalkan. Bagi pengamal adat pula, mereka berpeluang untuk berkongsi aspirasi amalan adat tersebut, dan dalam masa yang sama memahami hasrat golongan agamawan dalam menjaga kesucian agama.

Dalam banyak perkara, kedua-dua golongan ini seringkali terperangkap dalam tanggapan yang diciptakan sendiri akibat daripada salah faham atau salah anggap antara mereka. Satu contoh yang biasa kita dengar dan menjadi isu perdebatan dalam masyarakat ialah tentang “upacara bersanding” dalam majlis perkahwinan. Ada antara kita yang melarangnya kerana dikatakan berasal daripada kebudayaan Hindu. Sekiranya hal ini diselidiki dengan lebih mendalam, sebenarnya upacara bersanding ini universal sifatnya dan wujud dalam semua kebudayaan, sama ada yang pernah berkontak dengan masyarakat Hindu atau pun tidak. Hal ini kerana, budaya bersanding muncul secara semulajadi daripada dinamika dalaman sesebuah masyarakat. Masyarakat Melayu, India, Cina, Orang Asli, Peribumi Sabah, Peribumi Sarawak, Eropah, Latin dan sebagainya, tidak terlepas daripada adat bersanding. Ianya muncul dengan pelbagai variasi, tetapi dengan satu maksud iaitu untuk memperkenalkan pengantin atau pasangan yang baru berkahwin kepada ahli keluarga dan para tetamu.

Contoh tersebut adalah sebahagian daripada fenomena yang mempunyai kaitan dengan hal dakwah yang berlaku dalam masyarakat. Pengkaji merasakan bahawa ada banyak lagi isu yang seperti yang memerlukan penelitian yang mendalam agar kita dapat memahami secara tuntas tentang isu-isu yang dibincangkan. Hal ini kerana, sawajarnya setiap pendakwah menggunakan pendekatan hikmah yang berasaskan ilmu, agar kita tidak tersalah dalam memberikan pandangan. Dalam masa yang sama, ia dapat membantu dalam melahirkan masyarakat yang beradab dan saling menyantuni antara satu sama lain.

Selain itu, pendakwah juga boleh menggunakan ruang diskusi untuk membawakan tafsiran tauhidik dalam amalan adat seperti perubatan dan perbomohan tradisional. Terdapat beberapa contoh yang boleh di ketengahkan sebagai bukti kejayaan pendakwah terdahulu dalam menerapkan tafsiran yang islami. Misalnya, amalan berkomunikasi dengan alam sebelum memburu yang menjadi amalan masyarakat Kedayan di Sabah. Bagi mereka, komunikasi tersebut bertujuan untuk meminta izin sebelum memasuki kawasan hutan yang dipercayai didiami oleh makhluk halus atau jin. Amalan ini sebagai menyantuni makhluk yang tinggal disesebuah kawasan dan bukannya untuk mensyirikkan Allah s.w.t. Walhal pada asalnya, ia merupakan suatu amalan yang bersandarkan kepada animisme, iaitu mempercayai bahawa setiap jasad itu mempunyai semangat atau kuasa magik tertentu.

Penutup

Ruang dakwah bagi menangani isu bid'ah amatlah luas. Ia memerlukan penelitian yang mendalam dan bukan sekadar dalam lingkungan halal dan haram. Sebaliknya amalan dan budaya masyarakat itu adalah sesuatu yang kompleks, dan perlu dijelaskan secara ilmiah dan

mendalam. Tambahan pula realiti masyarakat kita hari ini lebih terbuka dan dahagakan penjelasan yang berasas dan ilmiah. Ahli agama dan pendakwah perlu mendalami sesuatu isu dengan lebih mendalam serta lebih berhati-hati dalam mengeluarkan pandangan. Hal ini penting bagi menjaga integriti golongan ini agar terus dihormati.

Rujukan

- al-Qaradawi, Y. (1994). *Mauqif al-Islam min Ilham wa al-Kashaf, wa al-Ruqya, wa al-Tamaim, wa al-kuhanah wa ruqa*. Kaherah, Mesir: Maktabah Wahbah.
- Alwi, E. A. (2007). *Ajaran Sesat, Mengenal Jalan Yang Terpesong*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika.
- Fadzli Adam, Firdaus Khairi, Wan Ibrahim. (2010). Bidaah Dalalah: Konsep Dan Pengamalannya Dalam Masyarakat Melayu. *Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 13 (Jun)* , 103-114.
- Muhammad Jusoh, Abdullah Mat. (1983). Ajaran Crypto. *Jurnal MASA, Pusat Penyelidikan Islam Malaysia* , 1-10.
- Sinarharian. (2013, Mac 24). *Sinar Harian*. Retrieved Mac 23, 2013, from Sinar Harian: <http://www.sinarharian.com.my>
- Yusof, M. S. (2008). *Bid'ah: Kekeliruan Agama dan Adat*. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.